

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1994/95**

**Okttober/November 1994**

**EUP 212 - JURUTERA DALAM MASYARAKAT I**

**Masa : [3 jam]**

---

**ARAHAN KEPADA CALON:**

1. Sila pastikan kertas peperiksaan ini mengandungi 5 mukasurat bercetak dan 6 soalan sebelum anda memulakan peperiksaan.  
Jawab semua soalan dari bahagian tersebut.
2. Jawapan bagi tiap-tiap soalan hendaklah dimulakan di muka surat yang baru.

1. Terangkan secara ringkas:

- (a) Peranan Pengurus sebagai simbol.
- (b) Kemahiran konsep yang diperlukan seseorang pengurus.
- (c) Dua ciri pertubuhan profesional.
- (d) Maksud prinsip perancangan yang mesti menyeluruh dan diselaraskan.
- (e) Mengapa organisasi diperlukan.

(100 markah)

2. Beri jawaban **BETUL** atau **SALAH**

- (a) Rancangan-rancangan Malaysia telah menekankan pembangunan pertanian.
- (b) Seseorang jurutera profesional dibenarkan membuat perkongsian profesional dengan mana-mana jurutera.
- (c) Seorang yang kreatif menggunakan otak sebelah kanan sahaja.
- (d) Komunikasi adalah satu proses penukar maklumat semata-mata.
- (e) Kawalan adalah usaha untuk menentukan standard pencapaian objektif.
- (f) Pemimpin yang berkesan akan mengambil tahu tentang hal peribadi subordinat.
- (g) Grid 1, 9 Blake & Mouton adalah sesuai bagi seorang yang autokratik.
- (h) Setiausaha Lembaga Jurutera bertanggungjawab ke atas perjalanan urusan harian lembaga.
- (i) Stephenson telah mencipta penjana stim.
- (j) Peperangan Dunia Pertama menyaksikan permulaan kemajuan pesat bidang kejuruteraan kimia.

(100 markah)

- 3 -

3. Beri jawaban ringkas tetapi padat.

- (a) Anda seorang jurutera yang proaktif. Apakah akan anda lakukan jika menghadapi sesuatu masalah.
- (b) Dalam keadaan bagaimana seseorang jurutera profesional boleh menjadi perunding dan kontraktor dalam satu projek.
- (c) Salah satu fungsi pemimpin adalah memberi motivasi.  
Apakah ciri-ciri individu yang anda akan lihat dalam memotivasi pekerja mengikut pendekatan bersistem.
- (d) Bezakan kuasa, autoriti dan pengaruh.
- (e) Apakah matlamat Pelan Induk Perindustrian dan bagaimana cara untuk mencapainya.

(100 markah)


4. Senaraikan:

- (a) Langkah-langkah merancang.
- (b) Proses membina struktur organisasi.
- (c) Halangan-halangan berfikir secara kreatif.
- (d) Ahli-ahli Lembaga Jurutera.
- (e) Perkara yang menyebabkan kawalan diperlukan.
- (f) Faktor-faktor keberkesanan pemimpin.
- (g) Hirarki keperluan Maslow.

(100 markah)

- 4 -

5. Kaji gambar rajah berikut dan jawab soalan-soalan dengan ringkas.



- (a) Langkah manakah yang paling penting dan kenapa?
- (b) Bagaimanakah cara mendengar secara berkesan?
- (c) Ada berapa halangan dalam proses yang ditunjukkan. Nyata satu daripadanya dan terangkan bagaimana itu boleh berlaku.
- (d) Senaraikan cara percakapan yang berkesan.
- (e) Tulisan yang bagaimanakah yang dapat mempertingkatkan proses memahami?

(100 markah)

6. Anda telah belajar beberapa perkara yang ada kaitan tentang profesi kejuruteraan dan bagaimana ia berinteraksi dengan masyarakat.

(a) Senaraikan topik-topik yang telah diajar.

(25 markah)

(b) Pilih tiga dari (a) dan terangkan matlamat topik-topik itu dan kaitan dengan masyarakat.

(75 markah)

oooOOOooo